

Apakah LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Sebelum mengambil ubat anda, beritahu doktor anda jika:

- Anda ada alergi terhadap ubat ini atau ubat-ubatan yang lain.
- Anda sedang ambil ubat-ubatan yang lain, terutamanya ubat yang menyebabkan anda mengantuk (seperti ubat tidur, ubat selesema dan alergi, ubat sakit jenis narkotik atau ubat penenang)
- Anda menghidapi penyakit-penyakit lain seperti glaukoma, penyakit sawan, paru-paru, buah pinggang atau penyakit hati.
- Anda sedang hamil atau merancang untuk hamil atau sedang menyusu badan kepada anak anda.
- Jangan meminum alkohol semasa anda sedang ambil ubat ini.
- Ubat ini mungkin boleh menyebabkan anda mengantuk. Elakkan diri daripada memandu, mengendalikan mesin atau membuat apa-apa kerja yang boleh membahayakan anda jika anda mengantuk.

Bagaimana saya harus MENYIMPAN ubat ini?

Simpan ubat ini di tempat yang dingin dan kering. Lindungkan daripada kelembapan, haba dan cahaya matahari secara langsung.



Risalah Maklumat Untuk Pesakit



Benzodiazepines

MENGENAI ubat anda

Diazepam, lorazepam, lormetazepam, nitrazepam, bromazepam, clonazepam, alprazolam dan midazolam merupakan kumpulan ubat yang dikenali sebagai benzodiazepines. Mereka digunakan untuk merawat kegelisahan dan insomnia (sukar tidur).

Selain daripada insomnia, diazepam, nitrazepam dan clonazepam juga digunakan untuk mengawal sawan. Doktor mungkin menggunakan diazepam sebagai ubat pengenduran otot. Alprazolam dan clonazepam kadang-kala digunakan dalam rawatan penyakit panik.

Benzodiazepine merupakan ahli kumpulan ubat yang dikenali sebagai penenang sistem saraf pusat (CNS). Ubat ini bertindak dengan melambatkan penghantaran isyarat saraf di dalam otak.

BAGAIMANA cara saya mengambil ubat?

Doktor anda akan mengarahkan berapa banyak dan berapa kerap anda patut mengambil ubat anda. Jika anda mengambil ubat ini untuk insomnia, jangan ambil ubat ini apabila jadual waktu anda tidak membenarkan anda tidur semalaman (7 hingga 8 jam). Jika anda mesti bangun sebelum jangka masa ini, anda akan terus berasa mengantuk dan mungkin mengalami masalah ingatan, kerana kesan ubat ini mungkin belum hilang.

Ubat jenis ini mungkin menyebabkan ketagihan. Jangan mengambil ubat ini dengan berlebihan atau lebih kerap daripada yang diarahkan oleh doktor. Jika anda rasa bahawa ubat ini tidak berfungsi secara betul selepas anda mengambilnya untuk beberapa minggu, jangan tambahkan dos ubat. Sebaliknya, anda patut periksa dengan doktor anda.

Ubat ini boleh diambil dengan atau tanpa makanan. Jangan hentikan memakan ubat ini secara mendadak tanpa bertanya dengan doktor anda.

Buangkan semua ubat yang sudah melebihi tarikh luput atau tidak diperlukan lagi

Anda mungkin perlu mengurangkan dos secara perlahan-lahan sebelum menghentikan pengambilan secara sepenuhnya. Cara ini akan membantu untuk mengurangkan kesan-kesan penarikan.

Apa yang patut saya lakukan jika SAYA TERLUPA makan satu dos?

Jika anda terlupa mengambil satu dos, ambil dos ini dengan segera sebaik sahaja anda ingat. Bagaimanapun, jika sudah hampir sampai masa untuk dos yang berikutnya, biarkan sahaja dos yang lupa diambil dan teruskan dengan dos yang berikutnya mengikut jadual waktu pengambilan ubat. Jangan gandakan dos untuk mengganti dos yang terlupa dimakan itu.

Apakah KEMUNGKINAN KESAN SAMPINGAN pengambilan ubat ini?

Sila minta nasihat doktor anda secepat mungkin apabila anda mengalami salah satu daripada kesan-kesan sampingan berikut:

- Kekeliruan yang teruk
- Masalah bernafas
- Denyutan jantung yang lambat
- Rasa sangat mengantuk atau lemah
- Sawan

Beritahu doktor anda, jika anda mempunyai masalah dengan kesan-kesan sampingan yang kurang teruk:

- Kesan mabuk selepas pengambilan ubat untuk tidur
- Mengantuk, pening dan kaku
- Penglihatan jadi kabur dan sakit kepala
- Mual atau muntah

Simpan semua ubat di tempat yang jauh daripada kanak-kanak